

HASLINDAWATI Saari

Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim

SURAT RAJA-RAJA (SRR), SURAT UNDANG-UNDANG (SUU) DAN PENSEJARAHAN NEGERI KEDAH, 1882-1911

SURAT RAJA-RAJA (SRR), SURAT UNDANG-UNDANG (SUU) AND THE HISTORY OF THE STATE OF KEDAH, 1882-1911

Surat Raja-Raja (SRR) dan Surat Undang-Undang (SUU) sememangnya telah memberi dimensi baharu kepada penulisan sejarah negeri Kedah terutama dari tahun 1882 sehingga tahun 1911. Kedua-dua manuskrip ini mengandungi surat-menyurat, laporan, minit dan perjanjian yang disusun dengan jelas. Malah kandungan SRR dan SUU juga dapat menunjukkan kesungguhan dan usaha yang dilakukan oleh pemerintah negeri Kedah dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Dalam masa yang sama, SRR dan SUU juga menunjukkan kesungguhan pemerintah negeri Kedah mengekalkan identiti dan menghadapi cabaran yang dihadapi dalam melindungi negeri berkenaan daripada British dan Siam. Maka dengan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana SRR dan SUU berperanan sebagai sumber sejarah utama di negeri Kedah dari tahun 1882 sehingga tahun 1911. Hasil kajian mendapati SRR dan SUU sememangnya merupakan sumber sejarah yang berwibawa dalam menjelaskan peristiwa-peristiwa sejarah meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial di negeri Kedah dalam tempoh yang dinyatakan. SRR dan SUU juga telah melengkapi sumber-sumber terdahulu negeri Kedah seperti Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH), fail-fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK) atau fail dari Majlis Mesyuarat Negeri (Council Decisions), laporan rasmi daripada pihak British (Colonial Office), minit-minit mesyuarat (State Council Minute Book) serta surat-surat pekeliling (State Council Circular). Sesungguhnya SRR dan SUU telah memberi sumbangan besar terhadap penyelidikan sejarah di negeri Kedah dan histriografi Melayu di negara kita.

Kata kunci: *Surat Raja-Raja (SRR), Surat Undang-Undang (SUU), Kedah, Manuskrip, Surat-Menyurat*

Surat Raja-Raja (SRR) and Surat Undang-Undang (SUU) have indeed given a new dimension to the written historic record of Kedah, especially from year to year. Both manuscripts contain clearly compiled correspondence, reports, minutes, and agreements. In fact,

the SRR and SUU also show the seriousness and efforts made by the Kedah state government, which can be clearly seen through political, economic, and social aspects. At the same time, the SRR and SUU also demonstrate the Kedah state government's seriousness in maintaining the identity and the challenges faced in protecting the state from the British and Siamese. Therefore, this research aims to see how far the SRR and SUU serve as the main historical sources for Kedah from year to year. The research findings show that the SRR and SUU are indeed reputable historical sources in explaining historical events, covering political, economic and social aspects in Kedah during the period mentioned. The SRR and SUU also complement Kedah's early sources such as the Sultan Abdul Hamid Correspondence (SMSAH), the Kedah State Secretary's (SUK) files or files from the State Legislative Council (Council Decisions), official reports from the British (Colonial Office), minutes of meetings (State Council Minute Book), and State Council Circulars. The SRR and SUU have therefore undoubtedly contributed greatly to the historical research of Kedah and Malay historiography in our country.

Keywords: *Surat Raja-Raja (SRR), Surat Undang-Undang (SUU), Kedah, Manuscripts, Correspondence*

Pengenalan

Manuskrip berbentuk surat-menyurat merupakan salah satu sumber primer yang penting dalam sesebuah penulisan sejarah. Koleksi surat-menyurat menjadi salah satu daripada medium diplomatik antara sebuah kerajaan dengan kerajaan lain termasuk komunikasi pada peringkat dalaman. Setiap surat yang diutuskan mempunyai jenis-jenisnya yang tersendiri. Memandangkan koleksi surat-menyurat mengandungi pelbagai rekod dan maklumat penting, maka koleksi tersebut dijadikan sebagai salah sebuah sumber utama untuk menghasilkan penulisan sejarah. Surat-menyurat merupakan sumber tempatan yang memerlukan pengkaji melakukan kritikan sumber bagi menghasilkan penulisan sejarah yang objektif. Dalam erti kata lain, penghasilan sesebuah penulisan sejarah perlulah bersandarkan kepada bukti-bukti sahih seperti koleksi manuskrip berbentuk surat-menyurat yang perlu ditafsir dengan tepat agar kebenaran sejarah dapat dicapai.

Kedah merupakan antara negeri-negeri Melayu yang memiliki koleksi surat-menyurat Kesultanan Melayu yang tersusun. Antaranya, koleksi Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH) yang telah menerima pengiktirafan UNESCO, Surat Raja-Raja (SRR) dan Surat Undang-Undang (SUU) yang ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah iaitu Sultan

Kedah yang ke-26. Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas koleksi SRR dan SUU, kedua-dua koleksi ini merupakan picisan daripada SMSAH. Kenyataan ini dianggap berasas kerana surat-menyurat yang ditemui dalam SRR, SUU mahupun SMSAH, walaupun tempoh masa yang sama, adalah surat-menyurat yang berbeza termasuklah dari aspek pentarikannya. Walau bagaimanapun, koleksi SRR dan SUU adalah koleksi sezaman yang dijumpai kemudiannya.

SRR dan SUU merupakan dokumen yang merekod tindakan yang diambil oleh pihak pemerintah dalam usaha menguruskan pentadbiran negeri agar berjalan dengan lancar. Perihal rakyat turut dicatatkan melalui surat-surat kiriman antara pemerintah tertinggi dengan pembesar daerah dan pihak luar. Maka, dengan adanya sumber tempatan seperti ini, kajian yang memfokuskan kepada pensejarahan negeri Kedah dapat dijalan dari sudut pandangan sumber tempatan. Ekoran daripada itu, koleksi SRR dan SUU kurang mendapat perhatian khusus dan mendalam oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Perbincangan dalam artikel ini lebih menjurus kepada kepentingan SRR dan SUU sebagai sumber sejarah Kedah. Artikel ini akan membincangkan latar belakang SRR dan SUU dari aspek ciri-ciri penulisan surat iaitu gaya penulisan, pentarikan, kategori dan fungsi surat-surat tersebut. Kandungan SRR dan SUU turut dibincangkan dalam artikel ini untuk menilai kehidupan sosioekonomi orang Melayu Kedah.

Kajian Literatur

Sehingga kini, kajian ke atas SRR dan SUU kurang dilakukan oleh para pengkaji tempatan, lebih-lebih lagi melibatkan masyarakat Melayu bawahan. Demikian juga dengan kumpulan surat-menyurat yang terdapat di Kedah seperti koleksi SRR dan SUU. Kandungannya mengandungi pelbagai catatan yang merangkumi peristiwa-peristiwa sejarah, pentadbiran, perundangan, peraturan, memo, notis, keagamaan dan sebagainya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa warkah Melayu atau surat-menyurat tinggalan Kesultanan Melayu sebagai sumber sejarah yang bernilai tinggi dalam sesebuah ketamadunan. SRR dan SUU merupakan koleksi surat-menyurat dalam kelompok sumber pertama yang dihasilkan ketika pentadbiran Kedah berada di bawah dua kuasa asing iaitu Siam dan British. Koleksi ini adalah hasil tulisan tangan yang ditulis oleh Jurutulis istana berkaitan urusan pentadbiran negeri.

Namun begitu, apabila menyentuh berkenaan kajian berkaitan manuskrip Melayu Kedah, didapati koleksi seperti SMSAH, Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan Undang-Undang Ku Din Ku Meh telah diberi perhatian khusus dalam kajian-kajian terdahulu. Asmah Haji Omar¹ dan Mohd Nasir Tahir Mahfor² misalnya, telah meneliti isi kandungan SMSAH secara khusus dari aspek bahasa, linguistik, struktur dan kesenian sebagai fokus utama kajian mereka. Manakala Nor Syafinaz Abdul Rahman menggunakan SMSAH sebagai sumber utama dalam menjelaskan kepentingan candu kepada

ekonomi Kedah.³ Sementara itu, Mahani Musa telah membuat perincian terhadap koleksi SMSAH dengan meninjau kepentingan kandungannya kepada sejarah negeri Kedah.⁴ Mohd Kasturi Nor Abd Aziz juga menjadikan SMSAH sebagai sumber penting dalam memperkatakan tentang pensejarahan negeri Kedah yang meliputi isu-isu kemasyarakatan seperti agama, kebajikan, pelajaran, kesalahan jenayah dan gejala buruk dalam kalangan masyarakat Melayu Kedah sekitar tahun 1882 sehingga 1940.⁵ Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor dilihat turut menggunakan SMSAH serta Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah dalam menganalisis perbandingan antara perkembangan bekalan air ketika zaman pemerintahan Melayu tradisional dan *water imperialism* yang dilaksana oleh British di Kedah pada abad ke-20.⁶

Sememangnya, SRR dan SUU merupakan sumber primer berbentuk surat-menyurat yang menjadi harta warisan negara sangat penting untuk dijadikan sebagai sumber rujukan yang sah. Sumber primer ini merupakan dokumen rasmi sebuah kerajaan Kesultanan Melayu yang wajar diterokai bagi mendapatkan maklumat dari kaca mata tempatan. Sehingga kini tiada lagi perincian yang dilakukan atas kandungan SRR dan SUU untuk tujuan menulis pensejarahan Kedah. Walaupun banyak kajian berkaitan dengan sejarah Kedah dilakukan tetapi isi perbincangan lebih banyak terarah kepada sejarah politik dan golongan atasan berdasarkan SMSAH dan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh pihak British. Kelompongan tersebut akan diisi oleh kajian ini yang berfokuskan kepada aspek sosioekonomi orang Melayu Kedah berasaskan kepada koleksi SRR dan SUU.

Metodologi Kajian


Penulisan makalah ini berasaskan kaedah kualitatif sepenuhnya. Melalui kaedah kualitatif, pengkaji menganalisis dokumen termasuk pelbagai sumber lain dari arkib. Dokumen yang menjadi sumber khusus untuk dianalisis ialah SRR dan SUU dalam membincangkan realiti sosial dan ekonomi orang Melayu Kedah. Walau bagaimanapun, koleksi SMSAH yang terdiri daripada 16 buah jilid turut dianalisis dan dijadikan sebagai sumber sokongan bagi kajian ini. Analisis dan kritikan dalaman sumber sangat penting dilakukan agar kandungan atau maksud sebenar maklumat sejarah yang terkandung dalam SRR dan SUU dapat ditafsirkan.⁷

SUU yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis masih lagi dalam keadaan asal iaitu bertulisan Jawi. Oleh yang demikian, pengkaji telah merumikan SUU secara berperingkat dengan bantuan daripada beberapa individu yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan luas berkaitan tulisan Jawi lama dalam surat-menyurat.⁸ Selain itu, pengkaji turut merujuk sumber pertama lain iaitu fail-fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK) atau fail dari Majlis Mesyuarat Negeri (*Council Decisions*), laporan rasmi daripada pihak British (*Colonial Office*) dan Laporan Tahunan Kedah (*Kedah*

Annual Report), minit-minit mesyuarat (State Council Minute Book) dan surat-surat pekeliling (State Council Circular) yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis serta Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Keseluruhan dokumen telah ditafsirkan secara objektif dalam konteks dan kerangka tajuk kajian bagi memberi gambaran yang tepat mengenai keadaan masyarakat Melayu.

Kajian kepustakaan pula menggunakan sumber sekunder daripada buku, artikel jurnal, kertas kerja, tesis, disertasi, latihan ilmiah dan sumber internet. Bahan-bahan ini turut diperoleh dari Arkib Negara Malaysia Negeri Perlis/ Kedah dan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Muzium Negeri Kedah, Muzium Diraja Negeri Kedah, Muzium Pentadbiran Negeri Kedah, Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Awam Sungai Petani, Perpustakaan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim dan perpustakaan-perpustakaan di universiti utama Malaysia seperti Perpustakaan Hamzah Sendut I dan II (Bahagian Malaysia) Universiti Sains Malaysia.

Gambar 1: Contoh Salinan Surat Raja-Raja (SRR)



Sumber: Arkib Negara Malaysia Negeri Perlis/ Kedah

Struktur SRR dan SUU

Koleksi SRR yang bermula dari tahun 1882 sehingga 1911. Koleksi ini terdiri daripada tiga buah jilid iaitu Surat Raja-Raja No. 1 TH. 1306 TH. 1888 (selepas ini disebut sebagai SRR No. 1), Salinan Surat Kepada Raja-Raja No. 2 TH. 1312 TM. 1895 (selepas ini disebut sebagai SRR No. 2) dan Salinan Surat-Surat Raja-Raja No. 3 TH. 1317-1329 TM. 1899-1911 (selepas ini disebut sebagai SRR No. 3). Ketiga-tiga koleksi ini mempunyai bilangan halaman yang berbeza-beza. Bagi SRR No. 1, keseluruhan bilangannya adalah 157 halaman yang terdiri daripada 133 perkara tetapi terdapat helaian kosong di halaman 48 (halaman asal 23 dalam surat-menyurat versi Jawi) dan 68 (halaman asal 41 dalam surat-menyurat versi Jawi) manakala jilid SRR No. 2 mengandungi sebanyak 495 halaman dan kira-kira 455 perkara. Sebagaimana tarikh yang tercatat pada kulit SRR No. 2 tetapi di akhir jilid, terdapat dua pucuk surat yang berbeza tahun. Pertamanya, surat yang bertarikh 6 Syaaban 1321H (28 Oktober 1903M) adalah surat yang ditujukan kepada Raja Yala dan keduanya, surat dikiriskan kepada Sultan Perak yang bertarikh 14 Rejab 1322H (24 September 1904M).⁹ Bagi jilid yang ketiga iaitu SRR No. 3, terdapat 333 halaman dengan 494 perkara. Kandungan jilid ini bermula dari tahun 1317H (1899M) sehingga 1329H (1911M). Bilangan keseluruhan surat-menyurat menerusi koleksi SRR yang ditemui adalah sebanyak 1083 perkara lengkap bertulisan tangan dalam huruf Jawi.¹⁰ Sebahagian kecil kandungan surat agak kabur tulisannya tetapi kekurangan tersebut tidak mengganggu proses pembacaan kandungan surat tersebut.

Selain itu, kandungan SRR pula berupa surat kiriman berbentuk salinan daripada surat kiriman yang asal, masih mengekalkan ciri-ciri surat Melayu lama terutamanya dari aspek gaya penulisan, pentarikhan dan fungsi surat-surat berkenaan. Sebagaimana yang digariskan oleh Ab Razak Ab Karim, komponen penting dalam sepucuk surat Melayu lama ialah terteranya kepala surat, cap mohor, kata puji-pujian, kandungan surat prapenutup, penutup surat dan tandatangan pengirim.¹¹ Koleksi SRR dan SUU berupa salinan daripada surat-surat asal, maka hanya ciri-ciri tertentu sahaja yang diberi perhatian untuk dibincangkan melalui kajian ini. Sesungguhnya, koleksi surat-menyurat ini merupakan salah satu kumpulan manuskrip yang dianggap sebagai wajah dan kedaulatan orang-orang Melayu. Penulisannya lebih kepada bahasa Melayu yang bertulisan Melayu Jawi, digunakan dalam urusan pentadbiran kerajaan Kesultanan Melayu di peringkat serantau.

Koleksi kedua sebagai sumber khusus kajian ini ialah SUU. Catatannya bermula dari tahun 1903 sehingga 1909. Koleksi ini merupakan catatan rasmi urusan mahkamah pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah yang ke-26. Keseluruhan koleksi ini terdiri daripada 470 halaman yang merangkumi 1120 perkara. Kandungannya meliputi 1106 pucuk surat berkaitan kes-kes mahkamah, lima pucuk notis,

tujuh pucuk surat undang-undang dan dua pucuk surat berupa peraturan negeri. Kandungan SUU merakamkan maklumat penting berkaitan permasalahan masyarakat dan pentadbiran negeri, di samping mendedahkan beberapa aspek proses perundangan, jenis-jenis hukuman dan cara hukuman dilaksanakan termasuk peranan serta watak-watak utama di sebalik sistem kehakiman dan perundangan di Kedah.

Gaya Penulisan


Keseluruhan catatan dalam koleksi SRR mengekalkan kepala surat yang memperlihatkan daripada siapa dan ditujukan kepada siapa serta tujuan surat berkenaan ditulis. Contohnya, “Rencana surat Duli Tunku Raja Muda beri kepada Wan Mohd Saman pasal suruh hentikan wares yang dikeluarkan hendak tangkap Penghulu Akob Mukim Batang Tongkang kata tiada ambil peduli pekerjaan mahkamah”. Surat kiriman ini datangnya daripada Tunku Abdul Aziz ibni Sultan Ahmad Tajuddin Mukaram Shah (1896-1907) yang ditujukan kepada Perdana Menteri Kedah ketika itu, Wan Mohammad Saman.¹² Kandungan surat ini jelas menyebut tentang Penghulu Yaakob yang mengabaikan hal-hal berkaitan urusan mahkamah dan akibat perbuatan tersebut, waran tangkap telah dikeluarkan untuk menangkapnya.

Terdapat sebilangan surat dalam SRR tertera ungkapan ringkas dalam bahasa Arab yang ditulis di bahagian atas iaitu selepas tajuk surat. Dipercayai pemilihan kata dan letaknya ungkapan tersebut berubah mengikut pangkat penulis dengan penerima dan tujuan surat itu ditulis. Berdasarkan maklumat daripada SRR, terdapat beberapa ungkapan berunsur Islam di permulaan surat seperti “Ya Azizul Karim” (Hai Yang Mulia dan Maha Pemurah),¹³ “Alhamdulillah” (Puji-pujian bagi Allah)¹⁴ dan “Ya Waliyal Hasanat” (Yang memiliki segala kebaikan)¹⁵. Kebanyakan ungkapan sedemikian tertera dalam surat-surat kiriman daripada sultan atau pemangku sultan kepada golongan istana seperti Tunku Yusof, Tunku Mohammad Saad, Tunku Yaakob dan lain-lain lagi.

Berdasarkan ciri-ciri surat beradat, terdapat gaya penulisan yang meletakkan kata puji-pujian bersama dengan nama, gelaran, alamat pengirim dan penerima. Walaupun begitu, terdapat sebilangan kecil surat-surat kiriman yang meletakkan kata pujian dan diikuti terus dengan tujuan surat tersebut dikirimkan. Melalui beberapa pucuk surat menerusi koleksi SRR, terdapat kata puji-pujian yang disertai dengan nama pengirim berserta dengan gelarannya dan tempat si pengirim.¹⁶ Kalimah berbentuk doa dan harapan daripada si pengirim kepada si penerima ialah tanda persahabatan agar hubungan yang terjalin menjadi semakin erat. Jika diteliti beberapa surat rasmi kiriman Sultan Abdul Hamid, gaya bahasa dan tekniknya penulisannya tidak jauh berbeza dengan yang terdapat dalam sebilangan surat-menyurat Sultan Ahmad Tajudin Halim Syah II atau raja-raja Melayu lain.¹⁷

Bagi koleksi SUU pula, permulaan catatan masih mengekalkan tajuk surat tetapi dinyatakan dahulu nama si penerima surat, kemudiannya tujuan surat berkenaan ditulis. Misalnya, “Wan Yahya Officer Changlon”, “Tetapkan hukuman benar beri siapa-siapa bawa gajah berjalan ikut jalan yang baharu diperbuat pergi ke Perlis dan lain-lainnya.” Namun, tidak semua permulaan dokumen dalam koleksi ini bermula dengan catatan sedemikian. Seperti mana yang dicatatkan dalam SUU, terdapat 15 dokumen yang kandungannya berupa undang-undang, peraturan dan notis, seperti Undang-undang menanam cacar,’ Peraturan Mahkamah Council,’ dan ‘Notis ketumbuh,’ Undang-undang yang terdapat dalam SUU dilihat sebagai kumpulan perundangan yang moden.

Gambar 2: Contoh Salinan Surat Undang-Undang (SUU)



Sumber: Arkib Negara Malaysia Negeri Perlis/ Kedah

Kandungan Surat-Menyurat

Surat-menyurat Melayu lama memaparkan pelbagai kandungan meliputi hal peribadi serta perkara-perkara yang berkaitan pentadbiran iaitu aspek politik, ekonomi dan sosial. Bagi koleksi SRR, kandungannya memenuhi semua aspek pentadbiran dalaman dan luaran Kedah. Adakalanya dalam sepucuk surat mengandungi perkara-perkara yang bercampur aduk antara satu sama lain. Misalnya, surat bertarikh 12 Jamadilakhir 1313H (30 November 1895M) mencatatkan lima isu iaitu permohonan menangkap seorang lelaki Melayu yang lari dari penjara kerana kesalahan menyamun. Keduanya, permintaan daripada ‘Tuan Terutor’¹⁸ yang memohon kerjasama kerajaan Kedah untuk menangkap seorang pencuri berbangsa Cina yang didapati bersalah melarikan wang milik Bank Belanda di Pulau Pinang.¹⁹ Perkara yang ketiga pula mencatatkan tentang pengaduan daripada sepasang suami isteri iaitu Muhamad Sharif dan Nah terhadap Penghulu Abdul Rahman.²⁰ Perkara keempat pula berkaitan ‘Tuan Terutor’ telah menerima wang sebanyak \$19 daripada Pak Chik Aliar dan sekeping resit telah dikirimkan kepada sebuah *office* (tidak dapat dipastikan pejabat berkenaan). Perkara terakhir yang dicatatkan melalui surat kiriman tersebut ialah Sultan Kedah telah memberi kebenaran kepada ‘Tuan Terutor’ untuk melakukan kerja-kerja menyukat tebing Sungai Kuala Muda. □ Pelbagai perkara yang diungkapkan dalam sepucuk surat ini, sekurang-kurangnya dapat memberi maklumat berkaitan isu yang berlaku antara Kedah dengan pihak luar sungguhpun tidak semua perkara yang dibincangkan dicatatkan dengan terperinci.

Keseluruhan kandungan SRR No. 1 menunjukkan kebanyakan surat kiriman datangnya daripada Sultan Abdul Hamid dan pembesar negeri lain seperti Tunku Abdul Aziz dan Wan Mohammad Saman. Surat-surat kiriman berkenaan ditujukan kepada pembesar daerah yang juga merupakan kaum kerabat sultan seperti Syed Ahmad di Perlis, Tunku Abdul Rahman, Tunku Yaakob, Tunku Yusuf, Tunku Mohammad Saad, Syed Ariffin, Syed Sofi, Tunku Mohammad Jaafar, Tunku Kassim dan Syed Mohammad. □ Kebanyakan surat-surat penting yang tertera dalam koleksi SRR No. 1 merupakan permohonan, jawapan, arahan, larangan, makluman atau tindakan susulan daripada surat yang diterima sebelumnya.

Satu perkara yang menarik tentang SRR No. 1 adalah koleksi ini mengetengahkan peranan Kedah sebagai negeri perantaraan. Kandungan surat-surat menunjukkan Kedah telah mengutuskan surat kepada Setul dan Perlis bagi menyampaikan makluman, arahan atau amanat daripada Siam kepada negeri di bawah naungannya. Hubungan antara Kedah dengan Siam telah lama terjalin iaitu sejak pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I (1804-1843). Selepas terlibat dengan beberapa siri peperangan, akhirnya Kedah dijadikan sebagai wilayah naungan Siam. Bermula pada tahun 1842, Siam mulai mencampuri urusan pentadbiran Kedah termasuk menentukan

pemerintah Kedah yang sah. Perkara ini berlarutan sehinggalah kepada pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Kandungan surat dalam koleksi SRR dan SUU yang dikirimkan mempunyai pelbagai tujuan. Misalnya, makluman berkenaan kehadiran Raja Siam ke Kedah, Perlis dan Setul melalui surat kiriman bertarikh 28 Syaaban 1307H hingga 30 Syaaban 1307H (19 April 1890M hingga 21 April 1890M).²³ Surat-surat yang dikirimkan daripada pihak Raja Siam tidak semuanya dikirimkan secara langsung daripada Bangkok. dikirinkan melalui Konsul Siam sama ada melalui orang perseorangan atau telegraf dari Pulau Pinang dan Singapura.²⁴

Hubungan baik Kedah-Siam terpancar dalam kandungan SRR dan hal ini dibuktikan melalui tindakan pihak Kedah membuat persiapan rapi bagi menyambut kedatangan Raja Siam ke Kedah. Rakyat Kedah dikerah untuk membina tandip,²⁵ membuat titi, menebas hutan, membuat jalan baharu dan membersihkan kawasan bagi menyambut kedatangan Raja Siam.²⁶ Seluruh ketua daerah Kedah dimaklumkan mengenai lawatan tersebut dan perkara ini dicatatkan dalam beberapa surat-surat kiriman lain dalam SRR No. 1.²⁷ Hal ini membuktikan Kedah berusaha mengukuhkan hubungan baik dengan pihak Siam. Pada masa yang sama, pihak Kedah sentiasa berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan berkaitan pentadbiran negeri kerana dibimbangi Siam akan berterusan campur tangan dalam hal-ehwal pentadbiran Kedah.²⁸

Dalam jilid seterusnya, SRR No. 2 pula mengandungi surat-surat yang agak pendek berbanding surat-surat beradat biasa dan keseluruhan pengirim surat ini datangnya daripada Raja Muda Kedah, Tunku Abdul Aziz dan Wan Mohammad Saman (Perdana Menteri Kedah).²⁹ Penerima surat yang paling banyak dicatatkan ialah Wan Mohammad Saman dan selebihnya kiriman surat kepada Syed Ahmad, Tunku Yaakob, Tunku Mohammad Saad, Syed Sofi, Tunku Dhiauddin, Haji Wan Abdullah, Wan Yunus, Syed Mohammad al-Jafri, Syed Shahabudin, Wan Ahmad, Syed Osman dan lain-lain lagi. Kesemua penerima surat merupakan pegawai tinggi kerajaan negeri Kedah.

SRR No. 3 mengandungi surat-surat kiriman yang kebanyakannya dikirimkan kepada konsul Siam dan pegawai British di Pulau Pinang termasuk beberapa pegawai British lain di Perak dan Singapura. Bermula pada tahun 1321H (1903M), terdapat beberapa surat-surat kiriman daripada Che Mohammad Ariffin bin Mohammad Arshad sebagai wakil kerajaan Kedah kepada konsul Siam (NeuBronner),³⁰ kerani konsul Siam di Pulau Pinang (Mohamad Yusof),³¹ wakil Syarikat '*Tin and Compeni Merbok*' (Raja Muhammad Idris),³² pelabur dari Pulau Pinang (Tauke Jinkian,³³ Ku Seng Hu, Ku Seng Ku³⁴ dan Gan Utik³⁵) dan wakil Kedah House Pulau Pinang (Che Awang Osman).³⁶ Daripada isi kandungannya, koleksi ini mengandungi maklumat penting berkaitan perjalanan pentadbiran dan kegiatan sosioekonomi Kedah dengan pihak luar.

SRR No. 3 membincangkan isu dan permasalahan berkaitan jenayah, tanah, hutang, kesihatan, pajakan, kelian (lombong), ampun kurnia, kerahan, syariah dan sebagainya. Tindakan memaklumkan segala isu dan permasalahan yang berlaku dalam dan luar Kedah kepada pihak Siam dilihat sesuai dengan status Kedah. Dalam menjalinkan hubungan dengan Siam, jelas pihak Kedah sangat berhati-hati dalam menyampaikan sebarang perkara berkaitan urusan pentadbiran kerana dibimbangi pihak Siam akan memberi tekanan kepada pentadbiran Kedah. Tindakan ini dibuktikan melalui surat-surat kiriman antara pihak Kedah dengan pihak Siam, sama ada melalui Konsul Siam di Pulau Pinang ataupun terus ke Bangkok. Pajakan dan tanah merupakan antara perkara yang sering dimaklumkan oleh pentadbir Kedah kepada pihak Siam.³⁷

Selain hubungan luar dengan pihak Siam, SRR No. 3 juga turut mendedahkan hubungan antara Kedah dengan pegawai-pegawai Barat. Di halaman awal SRR No. 3, terdapat draf surat kiriman daripada Tunku Abdul Aziz kepada Dr. Brown.³⁸ Namun, kandungan surat tidak dapat difahami sepenuhnya kerana kebanyakan tulisannya kabur dan tidak dapat lagi dibaca. Koleksi SRR yang ketiga ini juga banyak membincangkan urusan rasmi Kedah dengan pegawai British di Pulau Pinang, Perak, Singapura, Kuala Lumpur, Selangor selain dengan konsul Siam di Pulau Pinang. Antara pegawai-pegawai yang dikenal pasti ialah A.D. NeuBronner (Konsul Siam di Pulau Pinang), J.R. Drening (Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Rezduan'), Sir John Anderson, Sir Cecil Smith, H.G. Scott dan William Hood Treacher selaku Pemangku Residen Jeneral Kuala Lumpur Selangor dan lain-lain lagi.³⁹ Hubungan secara langsung antara Kedah dengan pihak British berlaku atas dasar memberi pandangan, penjelasan, menyelesaikan masalah yang menyentuh hal-hal politik, ekonomi dan sosial. Catatan menerusi SRR No. 3 memperlihatkan bahawa pihak Kedah sentiasa mewujudkan hubungan baik dengan pihak British dan sering bekerjasama dalam menyelesaikan pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh kedua-dua pihak.

Sementara itu, keseluruhan kandungan SUU lebih terarah kepada kes-kes mahkamah yang kebanyakannya berkisar kepada isu jenayah, masalah kekeluargaan, tanah, pajakan, cukai atau bayaran hasil, judi, kerahan, hutang, pekerjaan, masalah ternakan seperti kerbau lembu dan sebagainya. Kes-kes yang dibicarakan merupakan aduan atau rayuan yang datangnya daripada pelbagai pihak, antaranya pemimpin daerah, rakyat jelata, pelabur, pemajak, pemiutang dan kerabat istana. Meskipun SUU merupakan koleksi surat-surat kiriman berasaskan kepada hal-hal mahkamah tetapi tidak semua kandungannya mencatatkan sesuatu kes perbicaraan itu dilaksanakan atau diselesaikan secara terperinci. Terdapat kes-kes perbicaraan yang keputusannya dikekalkan bagi sesuatu hukuman. Apabila pesalah mengemukakan rayuan atau aduan bagi kes yang sama, kes mereka akan diperdengarkan semula di mahkamah. Dalam sesetengah kes, keputusan akhir hanya merujuk kembali keputusan yang dibuat dalam perbicaraan awal. Contohnya, terdapat pernyataan yang berbunyi,

‘Maka tampak orang-orang mesyuarat akan hukuman mahkamah besar yang diperbuat pada 19 Ramadhan 1325 itu sudahlah bersetujuan dengan pikiran orang-orang mesyuarat...’, ‘...inilah surat-surat pereksa dan surat mesyuarat jumlah 28 pucuk itu diberi balik mari ke tempat mahkamah besar bersamasama surat ini,’⁴⁰ menunjukkan bahawa keputusan kes telah diketahui lebih awal. Keputusan tersebut pula tidak ditemui pada mana-mana helaian surat lain. Sebagaimana koleksi SRR, kajian menunjukkan kandungan SUU juga bukan sahaja berupa surat kiriman yang membincangkan kes-kes mahkamah tetapi turut mengandungi dokumen berkaitan peraturan, undang-undang, draf undang-undang, notis dan surat pekeliling (surat berbentuk ketetapan atau pemberitahuan).⁴¹

Apabila SRR dan SUU diketengahkan, seringkali koleksi ini dibayangi dengan koleksi SMSAH. Hal ini sering berlaku kerana SMSAH sering dirujuk oleh ramai pengkaji dalam kajian mereka apabila menulis tentang pensejarahan Kedah. Setelah kajian dilakukan ke atas koleksi SRR dan SUU, koleksi ini adalah sebahagian kecil daripada SMSAH. Ini bermaksud, SRR, SUU dan SMSAH adalah koleksi sezaman yang ditulis ketika pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Pentarikhan pada kandungan SRR dan SUU merupakan pentarikhan yang tidak dicatat dalam SMSAH. Bukan itu sahaja, terdapat isu-isu tertentu yang dibincangkan dalam SMSAH, kemudian ada kesinambungan isu yang dibincangkan dalam SRR walaupun berbeza tarikh. Situasi ini dianggap berasas kerana kedua-dua koleksi ini adalah koleksi surat-menyurat yang dicatatkan pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Ringkasnya, keseluruhan kandungan SRR dan SUU ditulis dalam tulisan Jawi yang dihasilkan lebih daripada seorang jurutulis bertanggungjawab menulis semula kandungan surat yang telah dikirimkan. Hal ini jelas terbukti berdasarkan struktur tulisan. Penghasilan tulisan Jawi yang indah dan kemas menunjukkan Jurutulis surat tersebut seorang yang berkemahiran tinggi dan sesuai dengan tanggungjawabnya sebagai seorang jurutulis istana atau setiausaha kerajaan negeri. Sungguhpun demikian, daripada kandungan surat, terdapat perkataan yang sukar untuk difahami maksudnya walaupun telah diterjemahkan daripada tulisan versi Jawi kepada tulisan versi Melayu. Misalnya, perkataan ‘gosti,’⁴² ‘kerja sintok,’⁴³ ‘penyakit ketumbuh,’⁴⁴ khisosnya,⁴⁵ batu prum⁴⁶ dan lain-lain lagi. Didapati perkataan-perkataan tersebut merupakan bahasa pertuturan bagi masyarakat Melayu Kedah di beberapa kawasan pedalaman. Selain perkataan, terdapat juga ayat-ayat yang kurang difahami maksud yang hendak disampaikan. Contohnya;

“Hantar ini perkataan dengan segeranya kepada Piar Renong yang raja maha besar Siam nanti berangkat kepada 16 haribulan April pergi di champuan dan nanti pergi di kra rainong dan lain-lain tempat mesti hantar semua gajah yang boleh dapat di dalam renong dan langsuan pergi di champuan lebih dahulu daripada 18

haribulan April sahaya nanti lepas daripada sini pergi di kra dan renong langsung daripada champuan kepada 3 haribulan April bilang prak sarong berjumpa dengan sahaya di kra di dalam itu waktu tamat”⁴⁷

Walaupun terdapat perkataan atau kalimah yang kurang jelas maksudnya, namun ianya tidak menjejaskan tujuan yang hendak disampaikan melalui kandungan surat berkenaan.⁴⁸ Bahagian akhir merupakan penutup bagi sepucuk surat. Menurut Ab Razak Ab Karim, dalam bahagian ini lakukan bahasa yang paling ketara ialah tindakan formatif penamat daripada pengirim kepada penerima dengan dinyatakan hari, tarikh dan tahun warkah tersebut ditulis. Sebelum itu, kelazimannya surat-surat kiriman Melayu lama diakhiri dengan prapenutup tetapi tidak bagi koleksi SRR dan SUU.⁴⁹ Pengakhiran surat hanya dicatatkan tarikh, tahun surat kiriman ditulis dan perkataan ‘tamam’ bagi koleksi SRR. Walaupun surat-surat kiriman yang terkandung dalam koleksi SRR dan SUU tidak sepenuhnya menepati ciri-ciri seperti yang diungkapkan dalam kajian Ab Razak Ab Karim dan Annabel Teh Gallop. Gaya penulisan surat-surat kiriman yang dicatatkan pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid tidak jauh berbeza dengan surat-surat kiriman yang ditulis pada zaman sebelumnya. Misalnya, surat-surat Sultan Muhammad Jiwa Muazzam Shah kepada Francis Light.⁵⁰

Sementara itu, jika dibuat perbandingan bagi keseluruhan kandungan SRR mahupun SUU, kedua-duanya tidak mempunyai perbezaan yang ketara dari aspek gaya penulisan dan kandungan. Analisis ke atas kedua-dua koleksi menunjukkan sebahagian besar surat-menyurat dalam SRR sahaja mencatatkan perkataan ‘disemak’. Hal ini jelas menunjukkan terdapat individu lain yang bertanggungjawab menyemak semula kandungan surat yang telah ditulis oleh jurutulis.

Pentarikan

Terdapat pelbagai cara atau kaedah untuk mencatat tarikh dalam koleksi SRR dan SUU ini. Tarikh yang merujuk kepada kalendar Islam paling banyak dicatatkan. Contohnya, di bahagian penutup tertera “.... maka inilah hamba sampaikan surat pada 21 Muharram 1314 tamam”⁵¹ dan “surat pada 26 Rejab 1326 tamam”.⁵² Penggunaan mengikut kalendar Hijrah digunapakai dalam keseluruhan penulisan surat, lebih-lebih surat rasmi daripada kerajaan Kedah.

Selepas kemasukan kuasa British ke Kedah secara rasmi, penggunaan tarikh Hijrah masih dikekalkan. Adakalanya tarikh Hijrah dicatatkan bersekali dengan tarikh Masihi. Kebanyakan tarikh Masihi ini dicatatkan dalam surat-surat yang dikirimkan kepada pegawai-pegawai Barat. Kandungan surat menunjukkan tarikh Hijrah dan Masihi digunakan bersekali pada baris ayat yang sama seperti “Apakala lepas 20 Disember 1908 bersamaan dengan 27

Zulkaedah 1326 kerajaan Kedah tiada mau terima lagi ringgit ini daripada orang-orang yang hendak membayar rial kepada kerajaan.....”⁵³ Sebaris ayat ini ditemui dalam surat yang dikirimkan oleh salah seorang pegawai Kedah kepada semua pegawai kerajaan, pegawai daerah, hakim mahkamah dan ketua-ketua pekerjaan. Jelasnya, hampir keseluruhan surat-surat kiriman daripada sultan dan pegawai-pegawai kerajaan Kedah menggunakan tahun Hijrah dalam semua urusan rasmi negeri walaupun Kedah berada di bawah kuasa Siam dan British.

Selain penggunaan tahun Hijrah dan Masihi, terdapat sebahagian surat yang dikirimkan oleh Sultan Abdul Hamid serta pemimpin Kedah lain turut menggunakan pentarikhian Siam dalam surat-surat kiriman mereka. Tarikh-tarikh yang dimaksudkan ialah tarikh yang mengikut nama-nama binatang seperti tikus, anjing dan sebagainya. Misalnya, “..... *maka yang sepucuk itu turun pada hari Ahad lima haribulan sembilan tahun tikus samrit suk sunah 1350*”⁵⁴ Kebiasaannya surat-surat kiriman yang ditulis oleh pihak Kedah, khususnya yang ditulis oleh Sultan Abdul Hamid kepada pegawai-pegawai Siam atau pegawai-pegawai lain di bawah naungan Siam, mengandungi tarikh-tarikh Siam. Pada masa yang sama, ditemui juga surat-surat kiriman antara pegawai Kedah yang mencatatkan semula sebahagian kandungan surat yang diterima daripada pihak Siam kepada pemerintah Kedah. Jika surat asal yang diterima mengandungi tarikh Siam, maka surat yang ditulis semula turut memasukkan tarikh Siam.⁵⁵ Jika diteliti dalam kebanyakan surat kiriman daripada pemimpin Kedah kepada pihak Siam, dapatlah diandaikan golongan ini dapat bertutur atau memahami bahasa Siam. Maka tidak hairanlah ramai masyarakat Melayu yang tinggal di utara Kedah dapat bertutur dan memahami dengan baik dialek Siam. SRR dan SUU merupakan koleksi surat-menyurat yang dicatatkan tarikh hampir keseluruhan helaiannya. Kewujudan tarikh-tarikh berkenaan menjadikan kandungan surat jelas dari aspek fakta sejarah dalam letakan situasi atau persekitaran yang sebenar. Oleh yang sedemikian, membolehkan koleksi ini diterima kesahihannya sebagaimana yang dicatatkan oleh E.H. Carr melalui penulisan beliau.⁵⁶ Namun, kandungan surat yang terdapat dalam kedua-dua koleksi ini perlu dianalisis.

Jenis-Jenis Surat

Dalam aspek klasifikasi surat-surat, hampir keseluruhan kandungan surat dalam koleksi SRR dan SUU jelas menunjukkan siapa menulis kepada siapa. Maka, pengkaji dapat menentukan pengirim surat dan penerima surat. Sebahagian surat yang dikirimkan memiliki ciri-cirinya yang tersendiri dan dapat dikategorikan berdasarkan ciri-ciri tersebut. Sebagai contoh, terdapat perbezaan dari aspek laras bahasa, panggilan atau gelaran taraf sosial yang berbeza.

Laras bahasa yang dicatatkan dalam SRR dan SUU berbeza mengikut stratifikasi sosial. Bagi surat-surat kiriman daripada Sultan Abdul Hamid kepada raja di luar Kedah, kalimahnyanya berbunyi “*Alhamdulillah ilazi asyrafawil wilayatil anam. Wa faddolahu alal makhluqi binnazariwal inayati wassalahatil I’zmi wassalatu wassalamu ala saiyidina Muahmmadin sahibus shafaati ila yaumil kiam waala alimi waashabihil lazihum sarajannas fidzalami. Bahawa inilah warakatil ikhlas watuhfatul ajnas yang termaktub di dalamnya.....*”⁵⁷ Kalimah yang tertera merupakan kata-kata dalam bahasa Arab yang digunakan adalah bertujuan untuk menyatakan puji-pujian dan sifat-sifat yang baik terhadap seseorang raja yang memerintah pada waktu itu. Surat yang mengandungi kalimah ini dikirimkan kepada Sultan Perak iaitu Sultan Idris. Jika surat yang dikirimkan kepada pegawai British atau pegawai Barat lain, pembuka bicara dimulai dengan “Surat tulus ikhlas kasih sayang serta sangat mesra yang tiada menaruh syak dan waham tiada berputusan dan berkesudahan selagi ada peredaran cakrawala matahari dan bulan...”⁵⁸ Frasa ini digunakan oleh pengirim untuk mengukuhkan pujian kepada penerima surat. Dalam hal ini, pengirim akan menambah unsur penguat iaitu unsur alam sebagai bentuk kiasan. Unsur alam sering digunakan sebagai sandaran kepada pujian yang diperkatakan oleh pengirim kepada penerima.⁵⁹ Sungguhpun demikian, tidak semua surat-surat kiriman daripada pihak tertinggi Kedah kepada pegawai British mencatatkan ungkapan yang berlebih-lebihan. Adakalanya di awal penulisan surat dinyatakan terus tujuan surat tersebut dikirimkan. Contohnya, pada awal surat yang dikirimkan oleh Sultan Abdul Hamid kepada C.W.S. Kynnersley, terungkap ayat yang berbunyi, “Ehwal maka adalah surat sahabat beta beri mari yang diperbuat pada 19 Jun 1900 tersebut di dalamnya”⁶⁰

Sebagaimana yang telah dibincangkan, bukan sahaja pihak sultan tetapi ramai pegawai Kedah lain turut mengemukakan kata pujian-pujian sebagaimana pemimpin tertinggi mereka. Contohnya, surat kiriman daripada Tunku Yaakob kepada Raja Patani yang berbunyi “*Afdalut tahiyat wasalam ma’al madhul izam yaitu daripada Paduka Kekanda Tunku Yaakob Ibn Al-Marhum Yang DiPertuan Paduka Seri Sultan Zainol Rasyid Negeri Kedah Darulaman barang diwasilkan oleh Tuhan Rabbul Arsyil Izam apalah kiranya datang ke hadrat Paduka Adinda Raja di negeri Patani Darulsalam Asyrafullahu Taala Bil Izati Waltamakin Wa Nashiri Wal Fathil Mubini Bibarakati Nabi apalah kiranya datang ke hadrat Paduka Adinda Raja di negeri Patani Darulsalam Asyrafullahu Taala Bil Izati Waltamakin Wa Nashiri Wal Fathil Mubini Bibarakati Nabi Saiyidil Mursalin Amin Ya Rabbal Mutahhirin*”⁶¹ Kalimah yang tertera merupakan ayat yang berbentuk doa dan pujian daripada si pengirim kepada si penerima surat. Berdasarkan kandungan surat, ianya ini ditulis oleh Tunku Yaakob kepada Raja Patani iaitu pemimpin bagi salah satu wilayah di selatan Siam. Bukan itu sahaja, dicatatkan kata puji-pujian seperti “Surat tulus ikhlas kasih sayang serta sepenuh mesra yang tidak menaruh syak dan waham tiada berputus dan berkesudahan selagi ada

peredaran cakrawala matahari dan bulan...” lebih ketara dalam surat-surat yang ditujukan kepada pegawai British.⁶² Bagi surat-menyurat yang diutuskan dalam kalangan pegawai kerajaan, kebiasaannya terdapat perbezaan dari aspek kata puji-pujian tidak keterlaluan, seperti “Surat tulus ikhlas kasih sayang serta sepenuh mesra yang tidak menaruh syak dan waham tiada berputus dan berkesudahan selagi ada peredaran cakrawala matahari dan bulan...”.⁶³ dan “Paduka Adinda Tunku Abdul Aziz taarifkan kehadiran Paduka Kekanda Tunku Mohammad Saad yang di dalam pelihara Allah taala”.⁶⁴ Kalimah puji-pujian yang diungkapkan hanya tertera bagi surat-surat yang diutuskan kepada ketua-ketua di luar Kedah yang mencatatkan kata pujian terhadap seorang raja yang memerintah pada waktu itu. Dalam SRR, ungkapan sedemikian ditemui dalam surat-surat yang dikirimkan kepada Sultan Perak dan ketua-ketua kerajaan di beberapa wilayah Siam seperti Yala, Raman, Singgora dan Patani.⁶⁵ Ungkapan puji-pujian merupakan kata sanjungan terhadap seseorang dan menunjukkan keikhlasan daripada si pengirim surat.

Kategori yang berbeza dalam SRR dan SUU berdasarkan kepada siapa surat itu dituju dan perkara yang berkaitan dengannya. Misalnya, ‘surat tra’ yang diterima daripada pihak Siam dan kemudiannya diutuskan pula kepada pegawai Kedah.⁶⁶ Adakalanya surat-surat kiriman yang diterima dalam bahasa Siam ditulis semula ke dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi. Contohnya, isi surat yang berbunyi “..... Paduka Anakanda beri kerani Mohd Hussin besar alihkan jadi bahasa Siam sepucuk gambar buih masuk di dalam *envelope* bersama-sama dengan surat Duli Paduka Ayahanda itu....”⁶⁷ Bukan sahaja surat yang diterima ditulis semula dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi tetapi terdapat juga surat kiriman dari Kedah dikirimkan dalam tulisan Siam. Contohnya, isi surat berbunyi, “..... boleh Adinda Wan Abdullah Haji suruh kerani Siam itu suratkan satu lagi dengan bahasa Siam akan surat yang Duli Yang Maha Mulia beri pada Kerum Mamun”⁶⁸ Rasionalnya surat itu dikirimkan dalam dua versi bertujuan memudahkan komunikasi antara Kedah dengan pihak Siam.

Surat-menyurat dalam koleksi SRR dan SUU terbahagi kepada pelbagai tujuan. Antaranya berbentuk pemberitahuan atau pemakluman perkara-perkara tertentu. Surat kiriman bertarikh 28 Rejab 1307H (20 Mac 1890M) menunjukkan Syed Ahmad dimaklumkan akan kehadiran *Duke of Connaught* dan isterinya ke Perlis pada pagi Ahad iaitu 23 Mac 1890M (2 Syaaban 1307H).⁶⁹ Selain surat berbentuk makluman, terdapat juga surat berfungsi sebagai surat arahan. Dalam sepucuk surat, tertera arahan yang berbunyi, “Kerajaan sudah tegahkan gajah tiada dibenar beri berjalan di atas batas-batas yang baru diperbuat pergi ke Perlis tamat”. Kandungan surat menunjukkan Master Gorman selaku *State Engineer* Kedah telah mengeluarkan notis yang melarang rakyat Kedah membawa gajah melalui jalan baru yang sedang dalam pembinaan.⁷⁰ Bukan itu sahaja, terdapat lagi beberapa pucuk surat kiriman susulan yang dikirimkan kepada seluruh daerah dalam Kedah

mengenai larangan tersebut.

Bagi SUU, sebilangan besarnya merupakan 'surat teriak' atau surat rayuan (*appeal*) yang paling banyak dikirimkan oleh orang-orang awam.⁷¹ Sebagai contoh, sepucuk surat bertarikh 6 Syaaban 1326H (3 September 1908M) menunjukkan mangsa kecurian bernama Awang dan Mat Deris dengan kerjasama pihak polis telah membuat rayuan di mahkamah besar untuk mengadili sekali lagi orang yang dituduh iaitu Mat Hassan, Edam dan Kasa yang disyaki mencuri kerbau mereka. Rayuan tersebut telah diberi perhatian oleh pihak mahkamah dengan meneliti 54 pucuk 'surat-surat periksa' dan 'surat mesyuarat'.⁷²

Perhatian juga diberikan kepada rayuan yang dikemukakan oleh Haji Said dan Haji Asiah kepada pejabat *Presiden State Council* untuk membuat perbincangan semula atas tuntutan Mohamad Salleh dan Tam berkenaan surat kecil bagi tanah bendang milik mereka. Berdasarkan maklumat awal daripada catatan surat, arwah Penghulu Mohamad Taib yang juga merupakan bapa kepada Haji Said dan Haji Asiah telah menggadaikan tanah bendang milik Mohamad Salleh dan Tam kepada Qasim. Disebabkan rasa tidak puas hati dengan tindakan penghulu berkenaan, Mohamad Salleh dan Tam telah membuat aduan kepada mahkamah besar untuk menuntut kembali tanah bendang milik mereka. Namun, anak-anak kepada arwah Penghulu Mohamad Taib telah bertindak membuat rayuan untuk mendapatkan kembali tanah berkenaan.⁷³ Aduan dan rayuan dikemukakan oleh kedua-dua pihak yang bertelagah telah diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak berkuasa Kedah. Dalam hal ini, pejabat tanah bertanggungjawab menilai semula setiap kes yang dikemukakan oleh pengadu dan dibicarakan pula di mahkamah walaupun telah ada keputusan yang dibuat sebelumnya.

Terdapat juga surat permohonan yang menjurus kepada pelbagai perkara. Ada antaranya memohon tanah 'kelian', sewaan, rumah, pajakan, 'surat putus' atau 'surat kecil',⁷⁴ lesen, pas, geran, permit, jual beli dan sebagainya. Misalnya, terdapat sepucuk surat mencatatkan Tunku Mahmud telah meluluskan permohonan Mat Ishak bin Aqil yang hendak menjalankan perniagaan di Patani.⁷⁵ Bukan sahaja dengan hanya meluluskan permohonan tersebut tetapi tindakan selanjutnya, semua penghulu mukim turut dimaklumkan tentang perkara tersebut. Ini bermakna, setiap pegawai kerajaan tanpa mengira kedudukan perlu melalui peraturan yang telah ditetapkan sebelum memberikan kelulusan tersebut. Mereka tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya meluluskan setiap permohonan tanpa melalui proses yang sepatutnya.

Terdapat juga kandungan surat-menyurat dalam koleksi SRR dan SUU mencatatkan jawapan kepada persoalan-persoalan berkaitan isu kemasyarakatan. Misalnya, tindakan kerajaan menangani isu rogol,⁷⁶ perebutan tanah pusaka,⁷⁷ masalah tanaman dirosakkan oleh gajah liar,⁷⁸ kecurian kerbau lembu⁷⁹ dan sebagainya. Di samping itu, terdapat juga sebilangan surat yang dikirimkan merupakan laporan kepada pihak tertentu mengenai pentadbiran

negeri. Antaranya, laporan yang dikemukakan oleh pihak Kedah kepada Tunku Abdul Rahman di Setul berkenaan kehadiran sebuah kapal untuk menyambut bunga emas dari Kedah. Bukan itu sahaja, pihak Setul juga dimaklumkan tentang penghantaran bunga emas yang akan diutuskan pada hari Isnin iaitu 11 Muharram 1306H (11 September 1888M).⁸⁰ Dalam helaian surat yang lain, dicatatkan peranan Master Pleury sebagai *Veterinary Surgeon* di Kedah yang pernah melaporkan tentang penyakit kerbau dan lembu sehingga mengakibatkan kematian haiwan-haiwan berkenaan.⁸¹ Selain laporan, dokumen-dokumen lain merupakan pemberitahuan, pengaduan atau tindakan susulan daripada surat yang diterima sebelumnya. Kebanyakan isu terbabit didapati dalam surat-surat yang dikirimkan kepada pihak Siam.

Berbincang tentang SUU sebagai surat undang-undang, sistem perundangan ketika pemerintahan Sultan Abdul Hamid dianggap oleh sarjana seperti Badriyah Haji Salleh sebagai moden kerana undang-undang tersebut mendapat kelulusan daripada *State Council*.⁸² Didapati, sistem perundangan dan kehakiman Kedah berkembang mengikut suasana, keadaan tempat dan orang yang berada pada tempoh masa tertentu. Berdasarkan penelitian terhadap SRR dan SUU, terdapat kandungannya yang memperincikan beberapa ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan melalui perundangan dan peraturan negeri. Antaranya, 'Peraturan Mahkamah *Council*',⁸³ 'Undang-undang perkara kuasa Mahkamah Syariah',⁸⁴ 'Undang-undang perkara *appeal* dakwa di dalam Mahkamah Negeri Kedah',⁸⁵ 'Undang-undang kuasa polis di stesen negeri Kedah',⁸⁶ dan 'Undang-undang peraturan pasal kutip di jeti *government* di Alor Setar Kedah'.⁸⁷ Perundangan berkenaan wujud bersesuaian dengan suasana yang bersesuaian pada masa itu. Kewujudan dan penambahbaikan perundangan yang sedia ada di Kedah merupakan adaptasi sistem perundangan Barat yang dipercayai berasaskan kepada undang-undang yang digunapakai di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Catatan mengenai undang-undang sedemikian terungkap dalam SRR dan SUU yang dianggap sebagai koleksi warisan bangsa Melayu yang tidak ternilai.

Kesimpulan

Keseluruhan kandungan koleksi SRR dan SUU meliputi pelbagai isu dan permasalahan berkaitan hal-ehwal pentadbiran Kedah. Peristiwa yang dilaporkan menjadi petunjuk kepada realiti kehidupan rakyat Kedah dari aspek sosial dan ekonomi mereka. Dalam masyarakat majmuk, sudah tentu wujud sebuah kehidupan yang dikelilingi dengan jenayah dan masalah sosial. Tambahan pula, ketidakseimbangan ekonomi yang berlaku dalam kalangan rakyat mampu memberi impak kepada kehidupan masyarakat Kedah. Hal-hal sedemikianlah, seperti mana yang dicatatkan dalam SRR dan SUU dapat memberi maklumat baharu bagi menghasilkan penulisan objektif mengenai pentadbiran Kedah, termasuk realiti sosial dan ekonomi orang Melayu.

Sebagaimana SRR, koleksi SUU juga memiliki keistimewaannya yang tersendiri sebagai sumber sejarah khususnya sejarah perundangan di Kedah. Koleksi ini turut memaparkan situasi politik, ekonomi dan sosial di Kedah walaupun kebanyakannya melibatkan kes-kes dalam mahkamah. Berdasarkan tinjauan ke atas kandungan SRR dan SUU, terdapat pelbagai catatan sejarah berkaitan isu pajakan, tanah, jenayah, hutang, kerahan, kekeluargaan, kesihatan, pendidikan, agama, hasil pendapatan dan sebagainya.

SRR dan SUU merupakan alat komunikasi yang menjadi catatan urusan rasmi antara Sultan Kedah dan pegawai kerajaan lain. Maklumat yang terkandung dalam koleksi ini merupakan sumber sejarah yang amat bernilai. Dilihat daripada keseluruhan penjilidan yang sedia ada, kumpulan surat-menyurat ini tidaklah begitu besar jika digunakan sebagai data sejarah, khususnya sejarah Kedah sepenuhnya. Koleksi SRR hanya terbatas sekitar tahun 1881, 1888 hingga 1889, 1895 hingga 1897 dan 1899 hingga 1911 manakala koleksi SUU pula hanya bermula dari tahun 1903 sehingga 1909. Kedua-dua koleksi ini merupakan sebahagian daripada kumpulan salinan surat-menyurat zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah yang ke-26 yang memerintah dari tahun 1882 hingga 1943. SRR dan SUU adalah sumber sejarah yang sangat bernilai dan kandungannya menceritakan perjalanan hal-ehwal pentadbiran Kedah yang dicengkam oleh dua kuasa asing iaitu Siam dan British. Selain SMSAH, fail-fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK) atau fail dari Majlis Mesyuarat Negeri (*Council Decisions*), laporan rasmi daripada pihak British (*Colonial Office*), minit-minit mesyuarat (*State Council Minute Book*) serta surat-surat pekeliling (*State Council Circular*) perlu dirujuk sebagai satu perbandingan kepada koleksi SRR dan SUU. Keseluruhan dokumen akan disaring dan ditafsirkan secara objektif dalam konteks dan kerangka tajuk kajian bagi memperoleh fakta sejarah yang signifikan. Kewujudan SRR dan SUU dapat memberi ruang kepada penulisan sejarah yang lebih meluas, terutamanya tentang sejarah golongan bawahan atau golongan marhaen.

Nota Akhir

1. Asmah Haji Omar, *Surat-Surat Sultan Abdul Hamid: Gambaran Penggunaan Bahasa dan Masyarakat Kedah Akhir Abad Ke-19*, 2013.
2. Mohd Nasir Tahir Mahfor, *Warkah Sosial dan Warkah Undang-Undang Sultan Abdul Hamid Halim Shah: Satu Analisis Bandingan dari Sudut Struktur*, 2002.
3. Nor Syafinaz Abdul Rahman, *Perkembangan dan Kesan Perdagangan Candu di Kedah, 1882-1940*, 2015. Jayakumary Marimuthu dan Mohd Firdaus Abdullah, "Opium Smoking Suppression Campaigns and The Role of Anti-Opium Movements in The Federated Malay

- States, 1906-1910”, 2020, hlm. 31-57.
4. Mahani Musa, “The Memory of the World Register: The Sultan Abdul Hamid Correspondence and Kedah History,” 2015, hlm. 53-74.
 5. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, *Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Sebagai Dokumen Sejarah Sosioekonomi Negeri Kedah (1882-1943)*, 2007. Mohd Kasturi Nor turut menghasilkan beberapa kajian lain berhubung dengan sejarah negeri Kedah. Antaranya, “Hubungan Kedah-Siam Melalui Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid”, “Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah” dan “Kegiatan Jenayah di Kedah Menerusi Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid”. Walaupun kajian-kajian tersebut mengkaji surat-menyurat dalam menjelaskan tentang persoalan pentadbiran negeri Kedah termasuk aspek sosial tetapi kajian-kajian berkenaan kurang menggunakan sumber tempatan lain dalam menjelaskan aspek sosial Kedah ketika itu terutamanya berkaitan sejarah kehidupan orang Melayu Kedah. Untuk rujukan penuh, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, “Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah,” 2011, hlm. 45-66 dan Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, “Kegiatan Jenayah di Kedah Menerusi Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid,” 2012, hlm, 51-70.
 6. Mohd Firdaus Abdullah dan Arba’iyah Mohd Noor, “Sejarah Perkembangan Bekalan Air Domestik Di Negeri Kedah Sehingga Tahun 1957,” 2017, hlm. 24-37, Mohd Firdaus Abdullah dan Arba’iyah Mohd Noor, 2019, hlm. 240-271.
 7. Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, 2009, hlm. 7.
 8. Individu tersebut ialah Ustaz Wan Abdul Rahman bin Wan Abdul Kadir iaitu Imam Masjid Tunku Habsah, Ustaz Fadhil dari Madrasah Nurul Islah dan Dato’ Wan Shamsudin bin Wan Yusof dari Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
 9. *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*, hlm. 495 & 496.
 10. Tulisan Jawi berperanan sebagai skrip pentadbiran, keagamaan dan budaya semenjak zaman berzaman. Peranan tulisan Jawi telah berkembang maju melalui sejarah tanah air dan Kepulauan Melayu, begitu juga dalam semua urusan pentadbiran, adat istiadat dan perdagangan. Bacaan lanjut, rujuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia & Jabatan Muzium Malaysia, *Manifestasi Tulisan “Jawi”*, 2006.
 11. Ab. Razak Ab. Karim, *Warkah Melayu Lama*, 2006, hlm. 1-21 dan Annabel Teh Gallop dan E. Ulrich Kratz, *The Legacy of the Malay Letter/ Warisan Warkah Melayu*, 1994, hlm. 33.
 12. *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*, hlm. 437.
 13. *SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888*, hlm. 1 & Ab Razak Ab Karim, *Warkah*

- Melayu Lama*, hlm. 5.
14. SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888, hlm. 17 & Ab Razak Ab Karim, *Warkah Melayu Lama*, hlm. 4.
 15. SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895, hlm. 220 & 221.
 16. SRR No.3 T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911), hlm. 81.
 17. Lihat perbincangan berkenaan dalam Wan Shamsudin Mohd Yusof, Surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1804-1845): Suatu Pengenalan, dlm. Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (peny.), *Kesultanan Melayu Kedah*, 2006, hlm. 375.
 18. Kandungan surat tidak dicatatkan pula siapakah ‘Tuan Terutor’.
 19. Pada masa yang sama, pihak Pulau Pinang juga meminta pihak berkuasa Kedah melekatkan notis berbahasa Cina dan menguar-uarkan berita tentang penangkapan tersebut.
 20. Kandungan surat tidak nyatakan tentang perkara yang diadukan oleh pasangan suami isteri tersebut.
 21. SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895, hlm. 34 & 35.
 22. Haslindawati Saari, *Pensejarahan Politik Negeri Kedah Berdasarkan Surat Raja-Raja, 1882-1911*. 2015.
 23. SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888, hlm. 119-123.
 24. *Ibid.*, hlm. 19, 31, 99, 100, 104, 119-123 & 131.
 25. Tandip merujuk kepada pembinaan rumah sementara atau rumah persemayaman sementara raja-raja yang diperbuat daripada kayu dan buluh.
 26. SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888, hlm. 111-118.
 27. Rujuk surat kiriman yang ditujukan kepada Tunku Mahmud (SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888, hlm. 106-110 & 119), Tunku Yaakob (SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888, hlm. 111-118).
 28. Sikap pemimpin dan tindakan pihak Kedah terhadap Siam boleh dirujuk dalam kebanyakan hasil penulisan pengkaji seperti Sharom Ahmat, Mohamad Isa Othman, Wan Shamsudin Mohd Yusof, Badriyah Haji Salleh, Kobkua Suwannathat-Pian & Mohd Nor Kasturi Abd Aziz.
 29. Haslindawati Saari, *Pensejarahan Politik Negeri Kedah Berdasarkan Surat Raja-Raja, 1882-1911*, hlm. 48.
 30. SRR No. 3 T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911), hlm. 269.
 31. *Ibid.*, hlm. 236, 245, 247 & 248, 251-254, 260 & 261.
 32. *Ibid.*, hlm. 230-232.
 33. *Ibid.*, hlm. 264.
 34. *Ibid.*, hlm. 284.
 35. *Ibid.*, hlm. 286.
 36. *Ibid.*, hlm. 304, 308, 309 & 311.
 37. Tunku Abdul Aziz banyak mengirinkan surat kepada Konsul Siam di Pulau Pinang yang memaklumkan tentang permohonan tanah daripada

- golongan pemodal. Lebih-lebih lagi pemodal Cina yang berasal dari Pulau Pinang. Tindakan ini wajar dilakukan kerana Kedah tidak mahu pihak Siam mempunyai alasan untuk campur tangan dalam urusan pentadbiran Kedah. Lagipun, permohonan ini melibatkan pihak asing yang berkaitan pajakan dan tanah. Umum mengetahui tanah dan pajakan adalah komoditi ekonomi yang sangat penting. Lihat *SRR No. 3 T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)*, hlm. 70.
38. Tidak dapat dipastikan siapakah Dr. Brown dalam deraf surat tersebut. Rujuk *SRR No. 3 T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)*, hlm. 1.
39. Sesetengah nama-nama wakil asing berkenaan sukar dikenal pasti identiti mereka akibat kesukaran membaca atau mengeja tulisan jawi (asal) pada surat yang terdapat dalam koleksi *SRR No. 3*. Rujuk Haslindawati Saari, *Pensejarahan Politik Negeri Kedah Berdasarkan Surat Raja-Raja, 1882-1911*, hlm. 50.
40. *SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909*, hlm. 305.
41. Bukan itu sahaja, terdapat sebilangan surat-surat dicatatkan nombor atau bilangannya sama ada di sebelah kiri atau kanan surat pada permulaan surat. Untuk rujukan, sila lihat surat-surat kiriman yang terkandung dalam, *SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909*, hlm. 10, 13, 37,114, 164 & 360.
42. *Ibid.*, hlm. 215.
43. *Ibid.*, hlm. 256.
44. *Ibid.*, hlm. 18, 50 & 227.
45. *Ibid.*, hlm. 257.
46. *Ibid.*, hlm. 287.
47. *SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888*, hlm. 105.
48. Kandungan kalimah ini menyatakan tentang kedatangan Raja Siam ke Kedah dan beberapa pembesar daerah tertentu perlu menyediakan gajah sebagai kenderaan rasmi raja berkenaan.
49. Prapenutup yang dimaksudkan ialah bahagian penulisan yang mencatatkan salam mesra iaitu hadiah yang disampaikan kepada penerima sama ada bentuk barangan, binatang atau sebagainya atau hadiah yang bukan dalam bentuk barangan seperti doa, salam dan kata-kata indah yang ditujukan kepada penerima surat. Rujuk Ab. Razak Ab. Karim, *Warkah Melayu Lama*, hlm. 16.
50. Surat yang dikirimkan hanya mencatatkan penutup surat sahaja iaitu “Perbuat surat pada sanat 1186 tahun, tahun Dala awal, pada empat likur bulan Dzu’l-hijjah pada hari Arba’a. Tamat al-kalam.” Lihat Russell Jones, *Two Malay Letters Written by Sultan Muhammad Jiwa Muazzam Shah of Kedah to Captain Francis Light*, (dlm.) *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah 1981, 1990*, hlm. 30-41.
51. *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*, hlm. 103.
52. *SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909*, hlm. 301.

53. *Ibid.*, hlm. 378.
54. *SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888*, hlm. 5.
55. *Ibid.*, hlm. 9-10.
56. E.H. Carr (Terj.) dan Abdul Rahman Haji Ismail, *Apakah Sejarah?*, 1982, hlm. 30.
57. Surat daripada Sultan Abdul Hamid kepada Sultan Idris (Perak). Lihat *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*, hlm. 74 & 75.
58. *SRR No. 3 T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)*, Surat Sultan Abdul Hamid kepada Frank Athelstane Swettenham, 4 Safar 1318/ 3 Jun 1900, hlm. 81.
59. Ab. Razak Ab. Karim, *Warkah Melayu Lama*, hlm. 9 dan Ab Razak Ab Karim, Strategi Komunikasi & Kesopanan Berbahasa di kalangan Masyarakat Melayu Tradisional: Kajian Berdasarkan Warkah-Warkah Melayu Lama, 2006, hlm. 29.
60. Berkemungkinan besar ‘Tuan Kensli’ adalah C.W.S. Kynnersley, iaitu Residen Kaunselor British di Pulau Pinang. Rujuk *SRR No. 3 T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)*, Surat Sultan Abdul Hamid kepada C.W.S. Kynnersley, 11 Rabiulakhir 1318/ 8 Ogos 1900, hlm. 105.
61. *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*, Surat Tunku Yaakob kepada Raja Patani, 22 Safar 1314/ 2 Ogos 1896, hlm. 107-108.
62. *SRR No. 3 T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)*, Surat Tunku Abdul Aziz kepada J.R. Drening, 10 Rejab 1317/ 14 November 1899, hlm. 34.
63. *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*, Surat Tunku Abdul Aziz kepada Tunku Mohammad Saad, 22 Rabiulawwal 1313/ 12 September 1895, hlm. 34.
64. Mohammad Ariffin selaku Setiausaha Kerajaan Kedah kepada Mohamad Yusof iaitu kerani pejabat Konsul Siam di Pulau Pinang. Lihat *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*, Surat Mohammad Ariffin kepada Mohamad Yusof, t.t., hlm. 267.
65. Rujuk dalam *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*.
66. ‘Surat tra’ adalah surat rasmi yang dikirimkan oleh pihak Siam kepada pihak Kedah. Lihat *SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888*, hlm. 31.
67. *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*, hlm. 45
68. *Ibid.*, Surat Wan Mohammad Saman kepada Haji Wan Abdullah, 7 Rejab 1315/ 3 November 1897, hlm. 471.
69. *SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888*, Surat daripada wakil kerajaan Kedah kepada pemerintah Perlis iaitu Syed Ahmad, 28 Rejab 1307/ 20 Mac 1890, hlm. 99-100.
70. *SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909*, Notis daripada Wan Yahya, selaku pegawai daerah Changlon, 25 Rabiulawwal 1326/ 27 April 1908, hlm. 201.
71. Orang awam yang dimaksudkan ialah pemajak Cina, golongan ceti, penghulu, rakyat Kedah sama ada golongan bergelar Haji atau orang

- biasa yang memiliki sedikit kekayaan seperti tanah pusaka, kebun kecil dan harta pusaka.
72. *SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909*, hlm. 308.
 73. *SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909*, hlm. 107.
 74. ‘Surat putus’ atau ‘surat kecil’ merupakan bukti penting bagi penduduk Kedah yang memiliki tanah untuk dijadikan sebagai kawasan bendang. Rujuk Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid: Satu Kajian Pensejarahan Negeri Kedah, 1882-1920an, ms. 32. Juga rujuk: Badriyah Haji Salleh, *Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid: Warkah Agung Warisan Dunia*, 2015, hlm. 16.
 75. *SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895*, Surat Tunku Mahmud kepada Mat Ishak, 13 Zulkaedah 1314/ 15 April 1897, hlm. 324.
 76. *SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909*, hlm. 112.
 77. *Ibid.*, hlm. 114.
 78. *Ibid.*, hlm. 304.
 79. *Ibid.*, hlm. 308.
 80. *SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888*, Surat Sultan Abdul Hamid kepada Tunku Abdul Rahman Raja Setul, 4 Muharam 1306/ 10 September 1888, hlm. 3.
 81. *SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909*, hlm. 435.
 82. Bagi perbincangan lanjut berkenaan perkara ini, rujuk Badriyah Haji Salleh, *Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid: Warkah Agung Warisan Dunia*, hlm. 66.
 83. *SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909*, hlm. 10.
 84. *Ibid.*, hlm. 36 & 37.
 85. *Ibid.*, hlm. 115.
 86. *Ibid.*, hlm. 118.
 87. *Ibid.*, hlm. 467-470.

Rujukan

- Ab. Razak Ab. Karim. 2006. *Warkah Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Puskata.
- Ab. Razak Ab Karim. 2006. “Strategi Komunikasi & Kesopanan Berbahasa di kalangan Masyarakat Melayu Tradisional: Kajian Berdasarkan Warkah-Warkah Melayu Lama”, *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*.
- Annabel Teh Gallop dan E. Ulrich Kratz. 1994. *The Legacy of the Malay Letter/ Warisan Warkah Melayu*, London/ Kuala Lumpur: The British Library/ Arkib Negara Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 2013. *Surat-Surat Sultan Abdul Hamid: Gambaran Penggunaan Bahasa dan Masyarakat Kedah Akhir Abad Ke-19*, Kuala

- Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Badriyah Haji Salleh. 2015. *Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid: Warkah Agung Warisan Dunia*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- E.H. Carr (Terj.) dan Abdul Rahman Haji Ismail. 1982. *Apakah Sejarah?*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haslindawati Saari. 2015. *Pensejarahan Politik Negeri Kedah Berdasarkan Surat Raja-Raja, 1882-1911*, Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia.
- Jayakumary Marimuthu dan Mohd Firdaus Abdullah. 2020. "Opium Smoking Suppression Campaigns and The Role of Anti-Opium Movements in The Federated Malay States, 1906-1910," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (3), 31-57.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia & Jabatan Muzium Malaysia (2006), *Manifestasi Tulisan "Jawi"*. Kuala Lumpur.
- Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor. 2017. "Sejarah Perkembangan Bekalan Air Domestik Di Negeri Kedah Sehingga Tahun 1957," *Sejarah: Journal of the Department of History*, 26 (2), 24-37.
- Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor. 2019. "The 20th Century Domestic Water Supply in Alor Setar, Kedah," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46 (2), 240-271.
- Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor. 2020. "Pembangunan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah, 1957-1992," *Kajian Malaysia*, Vol. 38 (1), 89-113.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2007. *Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Sebagai Dokumen Sejarah Sosioekonomi Negeri Kedah (1882-1943)*, Latihan Ilmiah Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2011, "Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah," *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29 (2), 45-66.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2012. "Hubungan Kedah-Siam Melalui Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid," *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol. 40, 176-189.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2012. "Kegiatan Jenayah di Kedah Menerusi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid," *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 20 (20), 51-70.
- Mohd Nasir Tahir Mahfor. 2002. *Warkah Sosial dan Warkah Undang-Undang Sultan Abdul Hamid Halim Syah: Satu Analisis Bandingan dari Sudut Struktur*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Nor Syafinaz Abdul Rahman. 2015. *Perkembangan dan Kesan Perdagangan Candu di Kedah, 1882-1940*, Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia.
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif; Pengenalan Kepada Teori dan Method*, Tanjung Malim: Universiti Sultan Idris.
- Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah.
- Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (peny.) 2006. *Kesultanan Melayu Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Russell Jones. 1990. Two Malay Letters Written by Sultan Muhammad Jiwa Muazzam Shah of Kedah to Captain Francis Light, (dlm.) *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah 1981, Alor Setar 250 Tahun*, Kerajaan Kedah Darul Aman.
- SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888.
- SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895.
- SRR No. 3 T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911).
- SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909.

Nota Biografi

Haslindawati Saari (haslindawati@ipsah.edu.my) merupakan pensyarah di Unit Sejarah Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim. Beliau berkepakaran di bidang Sejarah Malaysia.